

MINGGU 09


FIQH WANITA DALAM IBADAT HAJI



*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan kemaburran*

TALBIAH: LAFAZ & MAKNA

لَبَيْكَ اللَّهُمَّ لَبَيْكَ لَبَيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَيْكَ
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ



HambaMu datang menyahut panggilanMu ya Allah.
HambaMu datang menyahut panggilanMu.
HambaMu datang menyahut panggilanMu.
Tuhan yang tiada sekutu bagiMu.
HambaMu datang menyahut panggilanMu.
Sesungguhnya segala puji dan nikmat dan kerajaan
adalah kepunyaanMu, tiada sekutu bagiMu.

OBJEKTIF

- 1** Mengenalpasti dengan lebih jelas tentang jenis-jenis darah wanita.
- 2** Mengetahui hukum asas berkaitan haid dan istihadah serta perbezaan di antara kedua jenis darah tersebut.
- 3** Mengetahui hukum asas berkaitan keluar angin dan keputihan.
- 4** Mengetahui permasalahan berkaitan pengambilan pil.
- 5** Mengetahui isu utama wanita semasa mengerjakan Haji.



KANDUNGAN

01

Jenis-jenis Darah

02

Haid

03

Istihadhah

04

Angin

05

Keputihan

06

Lembapan Faraj

07

Pengambilan Pil

08

Isu-isu Semasa Mengerjakan Haji

09

Larangan Ketika Haid



PERMASALAHAN WANITA DALAM IBADAT HAJI DAN UMRAH

MINGGU
09

FIQH WANITA DALAM IBADAT HAJI

JENIS-JENIS DARAH

ISTIHADHAH

HAID

JENIS-JENIS
DARAH

NIFAS

FASAD



TABUNG HAJI
جِي عَلِي الفَلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

🔍 TAKRIF HAID

Syarak:

Darah tabi`ie, keluar dari rahim wanita sihat, baligh, dalam waktu-waktu dan tempoh tertentu.

Istilah Perubatan:

Pendarahan dari selaput rahim, terjadi secara berulang setiap bulan bagi wanita subur disebabkan perubahan normal daripada keseimbangan hormon tubuh, lazimnya didahului pengovulan.



ISTIHADHAH

🔍 TAKRIF ISTIHADHAH

Darah yang keluar kurang daripada satu hari satu malam, melebihi tempoh maksimum haid (15 hari, 15 malam) dan maksimum nifas.

Darah yang keluar antara tempoh dua pusingan haid kurang daripada 15 hari.



🔍 TAKRIF FASAD

Darah yang keluar sebelum umur sembilan tahun hijrah (Qamariah).

Darah yang keluar disebabkan pengambilan ubatan untuk mengatur kitaran haid (kurang dari 24 jam).

Darah yang keluar di peringat awal kehamilan tanpa berlaku keguguran.



🔍 TAKRIF NIFAS

Nifas:

Darah yang keluar selepas melahirkan bayi.

Sekiranya selepas melahirkan anak tanpa nifas, wajib baginya untuk mandi wajib sebab melahirkan anak.



TABUNG HAJI
جِي عَلَى الْفَلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919



PERMASALAHAN HAID

MINGGU
09

FIQH WANITA DALAM IBADAT HAJI

PERMULAAN HAID

Minimum Umur:
9 tahun Hijriah
(Qamariyah)
(8 tahun, 8 bulan 21
hari Masihi)

Sebelum 9 tahun
dikira istihadah
atau penyakit



TABUNG HAJI
جى عل الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

TEMPOH HAID

Minimum: 1 hari 1 malam (24 jam)

Maksimum: 15 hari 15 malam

Kebiasaan: 3,4,5,6, atau 7 hari & malam

Jawapan Rasulullah S.A.W kepada Ummu Salamah:

تَنْظُرْ قَدْرَ اللَّيَالِي وَالْأَيَّامِ الَّتِي كَانَتْ تُحِيطُهُنَّ وَقَدْرُهُنَّ مِنْ الشَّهْرِ فَتَدْعُ الصَّلَاةَ ثُمَّ لِتَغْتَسِلْ وَلِتَسْتَفِرْ ثُمَّ تُصَلِّي

“Hendaklah perempuan itu mengenalpasti terlebih dahulu bilangan malam dan siang selama haid serta kadar hari-harinya pada setiap bulan. Setelah mengetahui waktu haid dan kadarnya itu, maka hendaklah dia menghentikan solat pada waktu-waktu tersebut. Sesudah waktu haid itu berakhir, dia dikehendaki mandi dan menampal kemaluannya dengan sehelai kain, lalu kerjakanlah solat”



TEMPOH HAID

TEMPOH SEKURANG-KURANG HAID



Sekurang-kurang haid sehari semalam (24 jam)



Sama ada keluarnya terus-menerus atau terputus-putus dalam 15 hari 15 malam

NOTA

Dianggap keluarnya terus menerus 24 jam walaupun darah tidak kelihatan diluar tetapi jika dimasukkan kapas ke dalam kemaluan terdapat kesan darah pada kapas tersebut (fatrah).



TABUNG HAJI
جِي عَلِي الفَلاح



Tabung Haji




www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

TEMPOH HAID

Darah terputus-putus dan dicampur-campur dalam tempoh jumlah haid 15 hari 15 malam atau tempoh kebiasaan haid mencukupi 24 jam.



Menentukan kebiasaan haid.

Cukup dengan sekali haid sahaja.

لتنظر قدر الليالي...
Dalilnya: Hadis Ummu Salamah:

MASA SUCI DALAM TEMPOH HAID (NAQA')

Contohnya darah berhenti 1 hari atau beberapa jam dalam tempoh haid

Ada 2 pendapat Mazhab Syafie:

- 1. Hari darah keluar dan berhenti dalam tempoh haid, semuanya dikira haid (pendapat rajih).**
- 2. Hari atau masa tidak keluar darah (naqa'), dikira suci.**



//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Naqa' adalah suci yang berlaku dalam tempoh haid dan ia boleh berlaku sama ada secara tabi'i atau dengan memakan ubat. Tawaf yang dilakukan semasa naqa' adalah sah. Wanita yang dalam keadaan naqa' boleh terus melakukan tawaf tanpa perlu menunggu sehingga saat akhir sebelum ke 'Arafah atau ke Madinah atau pulang ke tanah air, dengan syarat ketujuh-tujuh pusingan tawaf dilakukan dalam keadaan yakin suci.

*RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-40/1445H.



WARNA DARAH HAID

- ◆ Majoriti: semua warna tersebut yang keluar dalam tempoh maksimum haid dikira haid.
- ◆ Dalilnya: Hadis `Alqamah; Para wanita menghantar bekas berisi kapas kepada Aisyah RA dan jawapan Aisyah RA kepada mereka:

لَا تَعْجِلْنَ حَتَّى تَرَيْنَ الْقَصَّةَ الْبَيْضَاءَ

“ Janganlah kamu tergesa-gesa (untuk mandi dan bersolat) sehingga kamu melihat warna cecair putih pada kapas yang menunjukkan suci daripada darah haid.”

WARNA DARAH HAID

- Merah kehitaman
- Merah tua
- Coklat
- Kuning
- Keruh (seperti air tanah)/ kuning keputihan (tidak jernih)



WARNA DARAH HAID KUNING

- ◆ Keluar selepas tempoh kebiasaan haid sehingga maksimum haid. (15 hari) ulama' khilaf
- ◆ Jumhur Ashab Syafie: dikira darah haid
- ◆ Abu Said, Abu Abbas, Abu Hamid, Imam Al-Haramain: tidak dikira haid cecair kuning dan keruh itu bukan darah, dianggap seperti nanah berdasarkan hadis Ummu Atiyyah:

كُنَّا لَا نَعْدُ الصُّفْرَةَ وَالْكَدْرَةَ بَعْدَ الطَّهُورِ شَيئًا

“

Kami tidak menganggap warna kekuningan dan keruh selepas suci itu sesuatu pun (iaitu darah haid)”



//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Disarankan kepada jemaah haji wanita yang menghadapi masalah seperti tidak dapat melakukan Tawaf Rukun kerana terpaksa pulang ke Malaysia atau bertolak ke Madinah dan tiada pilihan maka haruslah berpegang kepada pendapat yang mengatakan kekuningan dan kekeruhan yang keluar selepas hari kebiasaan haid (yang telah diselangi dengan suci) tidak dikira haid.

*RESOLUSI MUZAKARAH HAJI KE-22/1427H.



KUNING DAN KEKERUHAN

Hanya terpakai kepada jemaah haji wanita yang akan meninggalkan Makkah dalam waktu terdekat

Tidak terpakai jika waktu berada di Makkah masih panjang dan sempat menunggu tempoh suci.



BAGAIMANA MENENTUKAN TELAH SUCI DARI HAID

Para ulama menegaskan bahawa tanda suci haid ada dua:

1

Jufuf (kering darah):

Iaitu, jika diletakkan kain atau kapas di dalam kemaluan wanita (sekurang-kurangnya seruas jari), tidak akan dijumpai darah. Kapas tetap kering dan bersih.

(Shahih Fiqh Sunnah 1/207, Syarh Mumti' 1/433, Mukhtashar Khalil, 2/502)

2

Qashshatul Baidha.

Cairan putih seperti kapur, yang keluar dari kemaluan wanita. Ada yang berpendapat, Qashshah itu mirip adunan (tepung). Pendapat lain mengatakan: Qashshah adalah cairan seperti benang putih.





PERMASALAHAN ISTIHADHAH

ISTIHADHAH

Darah keluar melebihi tempoh maksimum haid tanpa henti

Darah keluar semasa hamil - selain Mazhab Syafi'e

Darah keluar selepas putus haid- selain Mazhab Syafi'e

Darah keluar kurang dari dari tempoh minimum haid 24 jam atau 1 hari 1 malam

Darah yang keluar antara tempoh dua pusingan haid kurang daripada 15 hari

Darah yang keluar melebihi maksimum haid

ISTIHADHAH

ISTIHADHAH


Darah Yang Keluar Melebihi Maksimum Haid

Biasa mengalami haid. Tidak mampu bezakan warna darah haid:

Kurang 15 hari, semua hari keluar darah dikira sebagai haid.



Lebih 15 hari, tempoh haid dikira mengikut kebiasaan haid.



ISTIHADHAH

Darah Yang Keluar Melebihi Maksimum Haid

Biasa mengalami haid,
Mampu bezakan warna darah haid:

1

Majoriti: Tempoh haid dikira mengikut kebiasaan haid

2

Syafie kemukakan dua pendapat:

Penentuan tempoh haid mengambil kira perbezaan warna darah*; jika 10 hari merah kehitaman, yang bakinya berwarna merah, tempoh 10 hari berwarna merah kehitaman dikira haid, yang lain dikira istihadhah, dalil pendapat ini hadis:

دَمُ الْحِيْضُورِ أَسْوَدٌ يَعْرَفُ

Tempoh haid dikira mengikut tempoh kebiasaan haid



MINGGU
09

FIQH WANITA DALAM IBADAT HAJI

ISTIHADHAH

Darah keluar semasa hamil

**Darah ini dikira sebagai
darah haid mengikut
Mazhab Syafi'e**



TABUNG HAJI
جى عل الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

ISTIHADHAH

Darah yang keluar di peringkat awal kehamilan tanpa berlaku keguguran

- ◆ Darah yang keluar dalam keadaan di atas dikira darah fasad, bukan darah haid sekiranya tidak cukup 24 jam
- ◆ Keluar selepas keguguran dikira nifas



MINGGU
09

FIQH WANITA DALAM IBADAT HAJI

ISTIHADHAH

Darah Keluar Selepas Putus Haid

Usia menopaus mengikut kebiasaan keluarga, lumrahnya 62 tahun, darah keluar selepas usia menopaus dikira haid



TABUNG HAJI
جِي عَلَى الْفَلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

ISTIHADHAH

MENOPAUS
MENUKUT
PERUBATAN

- ◆ Purata umur majoriti wanita Malaysia putus haid 49.5 tahun.
- ◆ Secara rawak wanita menopaus antara 45 hingga 55 tahun.
- ◆ Wanita benar-benar dikira menopaus bila tiada haid selama 6 bulan atau setahun berturut-turut.



ISTIHADHAH

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Darah yang keluar selepas putus haid bagi wanita yang telah tiada haid selama 6 bulan atau lebih dalam keadaan biasa dikira haid, ini berdasarkan kepada pandangan Syafi`iyah.

Jika wanita tersebut menghadapi masalah, seperti tidak dapat melakukan Tawaf Rukun kerana terpaksa pulang ke Malaysia atau bertolak ke Madinah dan tiada pilihan maka ia dikira sebagai darah istihadah, ini bertaklid kepada pandangan Malikiyah, Hanafiyah dan Hanabilah.

*RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-35/1440H.





PERMASALAHAN ANGIN

Angin Keluar dari Faraj

- 1 Wuduk terbatal apabila keluar sesuatu daripada qubul atau dubur.
- 2 Biasanya angin keluar daripada dubur, namun demikian ada yang mengalami keluar daripada qubul.

“Apakah angin keluar daripada Qubul membatalkan wuduk?:”
Syafi`ie, Ahmad dan Muhammad: Membatalkan wuduk

NOTA

Angin yang hanya berada di dalam faraj tidak membatalkan wuduk.



ANGIN

Keadaan angin yang keluar dari kemaluan hadapan

1

Angin yang keluar dari saluran kencing/qubul (lelaki atau perempuan)- hukumnya membatalkan wuduk, jika angin keluar kerap dianggap sebagai daimul hadath.

2

Angin yang keluar dari rahim melalui saluran peranakan - batal wuduk, sekiranya jemaah haji sentiasa menghadapi masalah tersebut maka mereka tergolong dalam golongan daimul hadath (sentiasa berada dalam berhadas).

3

Angin tidak keluar daripada permukaan faraj dan hanya berada di dalam sahaja, maka tidak membatalkan wuduk.

4

Bunyi diluar permukaan faraj kerana pergerakan otot faraj- tidak batal wuduk.





PERMASALAHAN KEPUTIHAN



TABUNG HAJI
جي على الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

KEPUTIHAN

**Keputihan menurut fuqaha':
Sesuatu yang pekat berwarna putih
keluar daripada faraj wanita**

**Fuqaha' sepakat
keputihan adalah najis
dan membatalkan
wuduk**

**Wanita mengalami
keputihan mesti
membersihkannya
sebelum berwuduk**



KEPUTIHAN

1

Wanita mengerjakan haji mengalami keputihan mestilah:

- Memakai tuala wanita untuk memastikan sama ada keputihan keluar atau tidak.
- Tidak digalakkan memakai tampon kerana ia memudaratkan

2

Keputihan yang keluar berterusan sama hukum dengan istihadah dan daim al-hadas.



KEPUTIHAN

Cara Berwuduk Daim Al-Hadas

01

Bersihkan faraj
daripada najis

02

Pakai tuala
wanita di
permukaan
faraj

03

Ambil wuduk
setelah masuk
waktu solat

04

Satu wuduk
untuk satu solat
fardhu/tawaf
fardhu/rukun,
beberapa solat
sunat & tawaf
sunat

Cara ini berdasarkan penjelasan Rasulullah S.A.W kepada Fatimah bt Hubaisy:

اغسلى و توضئى لـ كل صلاة



TABUNG HAJI
جى عل الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

KEPUTIHAN

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Jemaah haji yang mengalami daimul hadath boleh mengambil pandangan mazhab Maliki iaitu:

- i. **Membersihkan najis dan boleh mengambil wuduk sebelum masuk waktu solat.**
- ii. **Meneruskan solat dengan wuduk yang sama selagi ia tidak terbatal oleh lain-lain perkara yang membatalkan wuduk.**
- iii. **Memperbaharui wuduk itu adalah sunat sahaja.**

*RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-39/1444H.

NOTA

Pendapat ini boleh diguna pakai apabila berlaku kesukaran



TABUNG HAJI
جى علم الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

KEPUTIHAN

NIAT WUDUK DAIMUL HADATH



Sahaja aku
mengambil wuduk
kerana Allah taala



Sahaja aku
mengangkat hadas
kecil kerana Allah taala



PERMASALAHAN LEMBAPAN FARAJ

LEMBAPAN FARAJ

RUTUBAH AL FARJ (KELEMBAPAN FARAJ)

Lazimnya mukosa (cecair pekat/ lendir) faraj lembap dan menghasilkan lelehan bagi mengelak mukosa (cecair pekat/ lendir) daripada kering dan melekat.

Oleh itu lembap dan sentiasa menghasilkan lelehan adalah tabiat faraj

Lelehan dalam faraj sama dengan cecair dalam mulut.

Penulisan fiqh juga menyebutkan ‘lembab’ sifat semulajadi faraj.

Oleh itu fuqaha’ berpendapat lelehan di dalam faraj bukan najis dan tidak membatalkan wuduk, sama seperti orang berpuasa menjelirkan lidahnya keluar, memasukkannya kembali dan menelan air liurnya, puasanya tidak batal.





PERMASALAHAN PENGAMBILAN PIL

PENGAMBILAN PIL

ISU PENGAMBILAN PIL

- Tidak digalakkan memandangkan semua perkara wajib dan rukun dalam ibadat haji boleh dilakukan melainkan tawaf sahaja.
- Diharuskan dengan syarat:
 - ▶ Jika perlu dapatkan nasihat pakar (yang adil)
 - ▶ Ubat yang digunakan tidak memudaratkan.
 - ▶ Biasakan dengan pil tersebut sekurang-kurangnya 3 bulan dari tarikh berangkat ke tanah suci.



PENGAMBILAN PIL

MENAHAN DARAH HAID DENGAN MEMAKAN UBAT

- Pengalaman jemaah haji wanita
 - ▶ Ada kes ia mengakibatkan darah keluar lebih banyak daripada biasa
 - ▶ Ada kes darah keluar tidak menentu
 - ▶ Ada yang berjaya
- Jemaah Haji Wanita perlu benar-benar faham cara pengambilan ubat penahan haid atau ubat mengatur kitaran haid kerana kedua-duanya mempunyai prosedur yang berbeza.



PENGAMBILAN PIL

SITUASI YANG DICADANGKAN

Sesetengah pengamal perubatan memberi ubat hormon secara berterusan (2-3 bulan) dimana ubat tersebut bukan dileSEN untuk menahan haid. Pengambilan secara berterusan ini perlu dirujuk kepada pakar wanita.

Mesti patuh dengan cara pengambilan ubat.

Golongan yang perlu rawatan perubatan contohnya pil hormon atau suntikan & pembedahan seperti myomectomy, polypectomy & hysterectomy sebelum berangkat ke Tanah Suci.

Jika tiada masalah tentang Haid. Disyorkan agar tidak mengambil mana-mana pil.

Jika terdapat di dalam masalah haid hendaklah dirujuk sewaktu saringan kesihatan.

Masa rujukan hendaklah awal sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum berangkat.



PENGAMBILAN PIL

SITUASI YANG DICADANGKAN

Segala masalah discaj, kendir yang berlebihan dan tidak selesa hendaklah berjumpa doktor untuk menerima rawatan sewajarnya.

Masalah prolapse dan kencing tidak tos hendaklah diatasi dan dirawat sebelum berangkat ke tanah suci.

Jangan terpengaruh dengan kawan-kawan yang mengambil pil, kerana keadaan tubuh badan tidak semestinya sama.



Jika tiada pilihan, pil hormon tersebut boleh digunakan dalam tempoh yang tertentu dengan nasihat & kaunseling dari pakar wanita.

(berkemungkinan ubat tersebut tidak berkesan langsung - jemaah perlu ada pelan kontigensi)

(RESOLUSI MUZAKARAH KE-30/1435H)



ISU-ISU SEMASA MENGERJAKAN HAJI

WANITA & HAJI

PERKARA YANG BOLEH DILAKUKAN SEMASA HAID

Sa'ie menurut syaratnya

Wuquf, Mabit di Muzdalifah & Mina

Melontar 3 Jamarat

Wuquf di 'Arafah

Niat ihram

Mandi sunat ihram

Talbiyah, Tasbih, Tahmid, Takbir, Zikir & Ma'tsurat



WANITA & HAJI

Bagaimana dengan wanita yang didatangi haid berterusan sebelum selesai tawaf rukun

Pilihan 1

Memohon penundaan tarikh penerbangan pulang dari pihak TH

Pilihan 2

Dam Ihsar

Pilihan 3

Bertaklid kepada Mazhab Hanafi yang mengharuskan perempuan haid melaksanakan Tawaf Ifadah

Hajinya selesai tetapi perlu membayar dam seekor unta

Memohon ampun kerana masuk ke masjid dalam keadaan berhadas besar



WANITA & HAJI

Haid Datang Semasa Menggerja Tawaf Umrah (Haji Tamattu')

1

Hajinya telah bertukar daripada Haji Tamattu' kepada Haji Qiran (jika berlaku haid yang hampir waktu wuqf).

2

Di kenakan bayaran Dam Qiran.

3

Jemaah wanita yang telah membayar Dam Tamattu' maka dam itu bertukar menjadi Dam Qiran.

4

Maklumkan kepada pegawai di kaunter kewangan sekira berlaku pertukaran dam tersebut.



PERKARA YANG DILARANG KETIKA HAID

MINGGU
09

FIQH WANITA DALAM IBADAT HAJI

LARANGAN KETIKA HAID

01

Bersuci

02

Solat

03

Puasa

04

Tawaf

Membaca Quran

05

Menyentuh dan
membawa Quran

06

Berada di dalam
masjid

07

Suami
menceraiakan isteri

08

Bersetubuh

09

HARAM



TABUNG HAJI
جِي عَلَى الْفَلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

KESIMPULAN

Isu yang sangat penting dan wajar di beri penekanan terutama bagi wanita yang masih kedatangan haid

Semua wanita WAJIB mempelajari ilmu berkaitan darah wanita

Jemaah haji wanita MESTI membuat catatan kedatangan haid:


- Hari dan masa datang haid.
- Hari dan masa berhenti haid.
- Warna dan sifat darah setiap hari.
- Adat haid dan suci bulan sebelum.





Belajar Haji kini lebih mudah secara dalam talian!

Muat turun aplikasi e-Bimbingan Haji melalui:



TABUNG HAJI
جى عل الفلاح



Tabung Haji




www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919




Belajar Haji kini lebih mudah secara dalam talian! e-Bimbingan Haji



01

Pilih
Login kali pertama?
Log masuk kali pertama?

02



03

Klik
Butang Hantar
Hantar

04



05

Klik
Butang Kemaskini
Kemaskini

Muat turun aplikasi e-Bimbingan Haji melalui:



TABUNG HAJI
جى عل الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919



Ya Rabb...

Tuhan Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang...

Engkaulah yang memakbulkan segala doa...

*Perkenankanlah doa-doa para hamba-Mu yang
sabtu hari merayu dan menadah tangan..*

*meratap memohon untuk memijakkan kaki,
bertawaf dan bersujud di Bait-Mu ini...*

...

Perkenankan doa-doa rindu mereka...

Sampaikanlah hajat mereka Ya Allah..

Amiin..!



TABUNG HAJI
جى عل الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919